



# PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

2021-2025



- 2** PERUTUSAN YANG DIPERTUA
- 3** RINGKASAN EKSEKUTIF
- 4** PENGURUSAN PELAN STRATEGIK
- 5** SEJARAH TAIPING
- 7** KAWASAN PENTADBIRAN MPT
- 8** CARTA ORGANISASI MPT
- 9** FUNGSI & PERANAN
- 13** VISI MPT
- 14** MISI MPT
- 15** MOTO MPT
- 16** IDENTITI & CIRI – CIRI PERKHIDMATAN
- 19** PELAN TINDAKAN ORGANISASI
- 50** PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN
- 52** PENGHARGAAN



## PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelan Strategik 2021-2025 adalah satu dokumen perancangan yang penting bagi merangka halatuju kerja sebuah organisasi untuk satu tempoh yang telah dikenalpasti. Bagi menjayakan Pelan ini, pihak MPT telah mengenalpasti isu-isu yang relevan dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan samada di peringkat nasional dan juga negeri.

Pihak MPT telah mengenalpasti objektif yang dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang wajar dijayakan dan disokong. Di samping itu, hasrat kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak bandar pintar selaras dengan era pendigitalan juga diberi perhatian di dalam merencana pembangunan dan perkhidmatan di bandar Taiping untuk tempoh yang ditetapkan.

Sebagai sebuah bandar pelancongan yang terkenal dengan sumber-sumber semulajadi, sejarah dan warisan, MPT tidak lupa untuk memastikan nilai-nilai ini terpelihara dengan memastikan perancangan Pelan Strategik 2021-2025 ini adalah selari dengan hasrat Pembangunan Negara Mampan (Sustainable Development Goals -SDG).

Untuk mencapai hasrat tersebut, pihak MPT akan sentiasa memantau dan menilai semua perancangan tersebut secara berkala bagi memastikan perancangan tersebut berada diatas landasan yang sewajarnya. Oleh itu, pihak MPT perlu sentiasa cakna dengan aspirasi-aspirasi semasa dan baru untuk memastikan perancangan ini sentiasa relevan dan dapat dilaksanakan.


Akhir kata, saya percaya dengan adanya kerjasama dari pelbagai pihak, segala perancangan yang telah dikenalpasti ini dapat dilaksanakan dan tercapai menjelang tahun 2025. Insyaa-Allah.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**  
**“ MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA ”**

**TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR., AMP**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Taiping

1. Berpegang kepada prinsip Perancangan Strategik, MPT berkeyakinan penuh bahawa dokumen Pelan Strategik MPT 2021 – 2025 yang disediakan ini merupakan pemangkin bagi menjayakan halatuju MPT untuk tempoh 5 tahun mendatang. Pelan Strategik ini merupakan satu kesedaran dan komitmen pihak pengurusan untuk melakukan transformasi organisasi, lonjakan persekitaran dan mencorak masa depan kemajuan bandar Taiping demi kesejahteraan penduduknya secara total, sejajar dengan misi nasional ke arah mencapai Sasaran Pembangunan Mampan Negara (***Sustainable Development Goals***) dan juga agar selari dengan Wawasan Kemakmuran Negara (WKB) juga hasrat yang diinginkan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam Pelan Strategik Perak 2021-2025.
2. Pelan Strategik MPT 2021 – 2025 ini mengandungi teras strategik utama serta strategik tindakan dan juga program yang komprehensif berdasarkan sasaran yang ditetapkan. Dengan adanya sasaran ini, ianya akan memacu dan melonjak pengurusan MPT ke tahap yang lebih tinggi bagi mencapai pendekatan yang digunapakai dalam Pelan Strategik ini berdasarkan Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman ke arah membuat penilaian dan penetapan Pelan Strategik
3. Pelan Strategik MPT 2021 – 2025 ini mengenalpasti enam Teras Strategik yang relevan dengan halatuju MPT hasil dari maklumbalas yang diterima dari Jabatan/Bahagian/Unit. Antara sasaran yang telah dikenalpasti adalah merangkumi aspek-aspek yang berikut :
  - i. **SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISIEN**
  - ii. **PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI DAN BANDAR RENDAH KARBON**
  - iii. **PEMBANGUNAN PENGURUSAN YANG DINAMIK & BERINTEGRITI**
  - iv. **PENDIGITALAN DAN INOVASI PEMACU BANDAR YANG KOMPETITIF**
  - v. **MENINGKATKAN PRESTASI KEWANGAN**
  - vi. **TAIPING SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN ANTARABANGSA**

- 
1. Teras - teras ini telah dikenalpasti strategi yang akan diikuti dengan program oleh Jabatan/Bahagian/Unit yang berkenaan.
  2. Program - program ini akan dipantau setiap enam(6) bulan untuk kajian semula manakala Laporan Pencapaian akan dibentangkan setiap dua belas(12) bulan.
  3. Pelan Strategik MPT ini juga menetapkan sasaran pencapaian masa depan. Namun begitu strategi dan pelan tindakan ini akan tercapai bergantung kepada perancangan yang selari dengan objektif yang ditetapkan dengan mengambil kira risiko-risiko yang telah dikenalpasti oleh MPT.

Bandar Taiping yang terletak di Negeri Perak, dahulunya dikenali sebagai Klian Pauh dan telah ditukar kepada Taiping sempena tamatnya Perang Larut pada tahun 1874. Taiping berasal daripada perkataan Cina "Tai-Peng" yang bermaksud aman selamanya. Dengan termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, Taiping telah menjadi sebuah bandar yang utama di Negeri Perak sebagai pusat pentadbiran British dan juga merupakan salah satu bandar yang tertua di Malaysia.

Pada tahun 1874, Lembaga Kebersihan / Kesihatan ditubuhkan bagi mentadbir Bandar Taiping. Kini, Taiping merupakan bandar yang kedua besar selepas Bandaraya Ipoh.

## SEJARAH PERKEMBANGAN PENTADBIRAN TAIPING :




Majlis Perbandaran Taiping terletak dalam Daerah Larut Matang yang mengandungi 12 mukim iaitu:




<b>KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN</b>	<b>KM PERSEGI</b>	<b>HEKTAR</b>
<i>Majlis Perbandaran Taiping</i>	186.46	18,646
<i>Operasi</i>	90.71	9,071
<i>Kawalan</i>	95.75	9,575
<i>Rancangan Tempatan</i>	125.00	12,500
<i>Larut Matang</i>	1355.99	135,599

<b>PERKARA</b>	<b>LARUT MATANG</b>	<b>MPT</b>
<i>Penduduk</i>	326,476	245,015
<i>Bilangan Kediaman</i>	273,641	51,530
<i>Jumlah Isi Rumah</i>	61,888	42,274

# KAWASAN PENTADBIRAN







- Merancang dan mengawal pembangunan tanah secara optima termasuk meluluskan pelan susun atur , pelan pertapakan pelan pinta ukur, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit dan pelan landskap.
- Mengawal bangunan termasuk meluluskan pelan bangunan.
- Melesen dan mengawal permis perniagaan, permit sementara, lesen penjaja dan iklan.
- Memberikan perkhidmatan perbandaran, kawalan mutu makanan, kebersihan pusat jualan makanan dan kawalan penyakit berjangkit
- Menyedia kawal selia dan menyelenggara pengindahan bandar dan landskap yang menarik.
- Menyedia kawal selia dan menyelenggara jalan, sistem saliran dan menguruskan sistem trafik.
- Perancangan, penyediaan dan menyelenggara kemudahan awam, infrastruktur dan kemudahan sosial.
- Mengurus dan menyelenggara Zoo Taiping dan Night Safari.
- Mengurus dan menyelenggara Pusat Peranginan Bukit Larut.
- Mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas dan sosio-ekonomi penduduk ke taraf yang lebih tinggi dari semasa ke semasa.
- Mengurus dan memberi perkhidmatan perbandaran terbaik termasuklah pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Menyedia dan membangunkan pelancongan taiping berteraskan warisan dan eko-Tourism.
- Mempertingkatkan hubungan dan kerjasama antara MPT dan masyarakat setempat.

## PERNYATAAN PIAGAM PELANGGAN MPT MUDAH, CEPAT DAN MESRA PELANGGAN

- ✚ Kami akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada perkhidmatan teras dan semua proses utama Majlis Perbandaran Taiping.

## PERKHIDMATAN TERAS

- ✚ Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran, Kawalan Perancangan Pembangunan dan Pelancongan

## PROSES - PROSES UTAMA



## PUNCA – PUNCA KUASA

Akta Kerajaan tempatan 1976 (Akta 171)	
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)	
Kanun Tanah Negara 1969	
Akta Perhutanan Negara 1984	
Akta Makanan 1983 dan peraturan Makanan 1985	
Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)	
Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)	
Undang-Undang Kecil PBT yang lain	
Undang-Undang Kecil MPT	



### PEMEGANG TARUH

- Kerajaan Negeri
- Ahli Majlis MPT



### PELANGGAN

- PENDUDUK / WARGA TAIPING
- PELAWAT / PELANCONG
- JABATAN KERAJAAN DAN SWASTA
- PEMILIK KEDIAMAN / PREMIS
- NGO
- KOMUNITI PERNIAGAAN
- SYARIKAT KONSESI
- PEMAJU / KONSULTAN

## ISU-ISU DAN CABARAN KRITIKAL

### Keperluan Untuk memantapkan pengurusan Perbandaran

- Kadar tunggakan cukai yang tinggi
- Kurang penyelenggaraan aset MPT
- Penguatkuasaan yang lemah (vandalisme)
- Masalah longkang dan jalan
- Terlalu bergantung kepada bantuan kewangan negeri dan persekutuan
- Pengurusan kompaun yang tidak cekap dan sistematik
- Ketenteraman dan keamanan penduduk
- Pengurusan kutipan hasil
- Kemudahan dan infrastruktur awam
- Pembangunan sosio-ekonomi

### Keperluan untuk memanfaatkan Teknologi ICT Dalam menuju ke arah Bandar Pintar

- Teknologi dan sistem yang tidak dimanfaatkan secara optimum
- Sistem ICT yang tidak bersepadu
- Sistem yang tidak dikemaskini dan diselenggara dengan baik
- Pemanfaatan ICT yang tidak menyeluruh dikalangan warga

### Keperluan untuk Mempertingkatkan Jalinan Kerjasama Strategik

- Kurang kerjasama 'inter-department'
- Kurang koordinasi diperingkat dalaman
- Semangat antara bahagian yang terlalu kuat
- Kurang kerjasama dengan PBT yang bersempadan dengan MPT
- Kurang jalinan strategik dengan NGO atau agensi-agensi lain
- Kurang kesedaran dan cintakan bandar oleh komuniti setempat
- Kurang pendedahan kepada inisiatif-inisiatif MPT
- Kurang penglibatan daripada komuniti

### Keperluan Memperkasakan Tadbir Urus

- Kurang penerapan nilai-nilai murni
- Sistem dan prosedur yang tidak komprehensif
- Kurang permantauan dalaman
- Pengurusan kewangan yang kurang cekap
- Kurang budaya organisasi cemerlang

### Keperluan Untuk Memantapkan Kapasiti Organisasi

- Kakitangan yang kurang kompeten
- Kekurangan peralatan
- Persekitaran pejabat yang kurang kondusif
- Sumber kewangan yang terhad
- Tiadanya 'sense of belonging' dikalangan kakitangan MPT
- Imej dan persepsi rakyat yang kurang memuaskan
- Kurang idea-idea yang kreatif dan inovatif dikalangan kakitangan
- Kewujudan pertindihan fungsi dan diskripsi tugas diantara jabatan/bahagian/ unit
- Pengurusan yang sering bertukar ganti (pelan penggantian)

### Keperluan Pemantapan Sumber Hasil Dalam Mengoptimumkan Pengurusan Kewangan

- Kadar tunggakan cukai yang tinggi
- Terlalu bergantung kepada bantuan kewangan negeri / persekutuan
- Pengurusan kompaun yang tidak cekap dan sistematik

Dalam menjalankan analisa persekitaran, MPT telah menggunakan beberapa kaedah seperti Analisis SWOT, 7S Mckinsey dan PESTEL bagi mengenalpasti isu-isu strategik yang menjadi penghalang dalam mencapai Visi dan Misi MPT.

#### **1. Keperluan Untuk Memantapkan Kapasiti Organisasi**

Bagi mewujudkan sebuah organisasi yang cemerlang, MPT sentiasa membangunkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan dan kreatif, dapat menyediakan kemudahan infrastruktur dan kelengkapan pejabat yang mencukupi serta persekitaran pejabat yang lebih kondusif dan harmoni. Sumber kewangan yang kukuh juga perlu disediakan untuk melaksanakan program dan aktiviti bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Segala tindakan hendaklah dilaksanakan secara konsisten.

#### **2. Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi**

Ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, MPT perlu memperkasakan tadbir urus organisasi dengan menerapkan nilai-nilai murni dikalangan warga kerja serta memantapkan sistem dan prosedur kerja bagi memastikan kelangsungan tadbir urus yang cemerlang.

#### **3. Keperluan Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Dalam Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Hasil**

Dalam mengoptimumkan sumber hasil, MPT perlu merancang dan mencari hasil-hasil baru dengan membangunkan kawasan yang berpotensi untuk menjana hasil bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Pengurusan kewangan yang cekap dan bersistemik juga merupakan pemangkin kepada peningkatan sumber hasil.

#### **4. Keperluan Untuk Memantapkan Pengurusan Perbandaran**

Pengurusan perbandaran yang terancang dan berkualiti merangkumi pelbagai aspek seperti penyediaan kemudahan awam, perkhidmatan kesihatan awam dan kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dan lanskap, Tindakan penguatkuasaan serta kawalan perniagaan melalui perlesenan ke arah mewujudkan perbandaran yang mampan.

#### **5. Keperluan Untuk Memanfaatkan Teknologi ICT Kearah Bandar Pintar**

Menyediakan prasarana ICT secara bersepadu dapat meningkatkan kecekapan organisasi dalam memberikan perkhidmatan penyampaian yang efektif dan proaktif serta mesra pengguna.

#### **6. Keperluan Untuk Mempertingkatkan Jalinan Kerjasama Strategik**

Jalinan kerjasama antara MPT dan rakan strategik melalui program dan aktiviti kemasyarakatan, perkongsian maklumat dan pemantauan bersepadu yang lebih komprehensif selaras dengan tanggungjawab bersama dalam membangunkan perbandaran Taiping.

**VISI**

**MENJADIKAN TAIPING SEBUAH BANDARAYA YANG  
PROGRESIF, MAMPAN DAN SEJAHTERA  
MENJELANG TAHUN 2030**

Majlis Perbandaran Taiping akan merealisasikan Visi Majlis dengan :



Menyediakan pembangunan yang terancang



Memberikan perkhidmatan dan infrastruktur perbandaran yang lengkap



Memenuhi keperluan yang seimbang diantara ekonomi, sosial dan alam sekitar



Memastikan ciri-ciri bandar selamat dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran Majlis

**MISI**

**MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF DAN EFISIEN MELALUI INOVASI DALAM PENDIGITALAN BAGI MENCAPAI TARAF HIDUP YANG BERKUALITI KEARAH KESEJAHTERAAN DAN KELESTARIAN WARISAN**

Majlis sentiasa berusaha memainkan peranan dalam merealisasikan Misi Majlis ini :



**FALSAFAH**

**“MPT CEMERLANG  
SEPANJANG MASA”**

**SLOGAN Q**

**PERKHIDMATAN BERKUALITI  
PELANGGAN BERPUAS HATI**

**DASAR KUALITI**

**MPT KOMITED KEPADA PROSES PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG CEMERLANG, CEPAT, CEKAP DAN BERKESAN . INI AKAN DILAKSANAKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PELANGGANNYA BERASASKAN PIAWAIAN KUALITI YANG DIIKTIRAF. MPT JUGA KOMITED MELAKSANAKAN PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN DAN TRANSFORMASI KE ARAH MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENGURUSAN KUALITINYA.**

**ASPIRASI INTEGRITI**

**MAJLIS PERBANDARAN TAIPING DIKENALI  
KERANA TELUS DAN BERINTERGITI**



## **IDENTITI BANDAR**

TAIPING BANDAR PELANCONGAN WARISAN DAN ALAM SEMULA JADI

## **PERKHIDMATAN TERAS**

PENGURUSAN, PERKHIDMATAN PERBANDARAN,  
PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PELANCONGAN

## **PROSES-PROSES UTAMA PERKHIDMATAN**



## NILAI-NILAI BERSAMA



### ASPEK-ASPEK PENGURUSAN

- MENGUTAMAKAN PELANGGAN
- MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI
- PENAMBAHBAIKKAN YANG BERTERUSAN
- PROFESIONALISME
- MEWUJUDKAN PERHUBUNGAN ERAT DAN MESRA DENGAN SEMUA PIHAK YANG BERURUSAN DENGAN MAJLIS
- MEMPUNYAI ASPIRASI YANG TINGGI TERHADAP KUALITI, KREATIVITI DAN INOVASI
- PENGURUSAN YANG TELUS
- KEPIMPINAN MELALUI TELADAN
- MENGAMALKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG
- PRIHATIN KEPADA KOMUNITI DAN ALAM SEKITAR



### ASPEK TENAGA MANUSIA

- BIJAKSANA DAN AMANAH
- INTERGRITI DAN AKAUNTABILITI
- BEKERJASAMA, BERILTIZAM, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERDISIPLIN
- SEMANGAT KERJA BERPASUKAN
- TENAGA MANUSIA YANG BERILMU, TERLATIH, KOMITED DAN KOMPETENSI

## PELAN TINDAKAN ORGANISASI

### PELAN TINDAKAN ORGANISASI TERAS 1

TERAS STRATEGIK		SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISIEN			
STRATEGI		1.1 MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN MELALUI PROSES PENDIGITALAN SECARA ONLINE			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
1.1.1	Membangunkan sistem e-Pembekal	Pembekal boleh memantau secara dalam talian dan menjimatkan pendaftaran pembekal sebanyak 80%	Meningkatkan kepuasan pembekal	2021-2025	JABATAN AKAUN & KEWANGAN
1.1.2	Membangunkan sistem rekod bersepadu untuk pengurusan aset (SPA)	Menjimatkan masa pendaftaran : 50% Menjimatkan tenaga kerja: 50%	Pengurusan aset akan lebih sistematik dan efisien	2021-2025	JABATAN AKAUN & KEWANGAN
1.1.3	Menambahbaik sistem GIS sedia ada bagi tujuan memantau kawalan banjir sahaja	Menjimatkan masa proses pemantauan dan "response time" 50%	Dapat meningkatkan kepuasan penduduk yang terlibat dengan kawasan banjir	2021-2025	JABATAN KEJURUTERAAN
1.1.4	Membangunkan sistem tempahan tiket dan penginapan Bukit Larut (online)	Meningkatkan bilangan tempahan tiket dan penginapan pengunjung sebanyak 50%.	Menjana pendapatan tambahan kepada MPT	2021-2025	BAHAGIAN PENGURUSAN BUKIT LARUT & PELANCONGAN

1.1.5	Membangunkan sistem e-Sewaan untuk tempahan kemudahan awam seperti dewan, gelanggang sukan dan rekreasi.	Meningkatkan bilangan tempahan kemudahan awam sebanyak 50%	Meningkatkan bilangan pelanggan dan memberi pendapatan tambahan kepada MPT	2021-2025	BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM
1.1.6	Menggalakkan pelanggan melakukan transaksi pembayaran online bagi Kompaun, Cukai Taksiran, Lesen dan Sewaan	Meningkatkan penggunaan sistem pembayaran online sebanyak 40%	Dapat meningkatkan hasil kepada MPT serta dapat menggalakkan orang ramai menggunakan sistem	2021-2025	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
1.1.7	Membangunkan sistem pemantauan infrastruktur secara atas talian yang lengkap untuk kemudahan perlaksanaan tugas kerja-rutin. (Camera pada kenderaan pemantauan kerja PEISB)	Meningkatkan kecekapan proses pemantauan 40%	Menjimatkan masa pemantauan dan ketepatan	2021-2025	JABATAN KEJURUTERAAN
1.1.8	Menambahbaik pengiklanan harta penyewaan MPT dengan visual fizikal paparan pelan lokasi dan mewujudkan kemudahan permohonan dalam talian dan melalui laman sesawang MPT	Peningkatan jumlah permohonan harta penyewaan MPT: 30%	-Memberi kepuasan kepada pelanggan  -Dapat meningkatkan produktiviti proses permohonan	2021-2025	BHG. SEWAAN
1.1.9	Membuat hebahan peringatan pembaharuan lesen premis perniagaan secara dalam talian	4 kali setahun Penjimatan kos 100%	Pelanggan dapat maklumat secara terus dan menjimatkan masa dan kos	2021-2025	JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN

1.1.10	Mewujudkan kaedah peringatan pembaharuan lesen premis perniagaan melalui sistem pesanan ringkas SMS/Whatsapp	Peningkatan hasil 10%	Meningkatkan kecekapan melalui media sosial dan menjimatkan kos dan masa	2021-2025	JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN
1.1.11	Membangunkan Sistem Rekod Pendepositan CCC	Mengurangkan masa dokumen dikongsi sebanyak 50%	Dapat mengurangkan kesalahan dan mempercepatkan kelulusan kepada pemohon	2021-2025	BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT

TERAS STRATEGIK		SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISIEN			
STRATEGI		1.2 MENINGKATKAN KEMUDAHAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
1.2.1	Menaik taraf perkakasan komputer dengan keupayaan yang tinggi	Menaik taraf sekurang-kurangnya 80% perkakasan komputer	Dapat meningkatkan produktiviti tugas harian	2021-2025	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
1.2.2	Menaik taraf rangkaian komputer dengan kelajuan yang tinggi	Menaik taraf kelajuan internet sehingga 80% kelajuan.	Dapat meningkatkan produktiviti tugas harian	2021-2025	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
1.2.3	Menggunakan perisian dengan versi yang terkini dan dikemaskini	Penggunaan perisian yang terkini sekurang-kurangnya 60%	Dapat meningkatkan produktiviti tugas harian	2021-2025	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
1.2.4	Membaikpulih dan menggantikan mesin <i>fogging</i> yang lama kepada yang baru	Liputan 100% keseluruhan premis dalam radius 200m bagi pelaksanaan aktiviti <i>fogging</i>	Pengurangan aduan berkaitan kawalan nyamuk.	2021-2025	JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN

TERAS STRATEGIK		SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISYEN			
STRATEGI		1.3 MENYEMAK DAN MENAMBAHBAIK PROSEDUR KERJA BAGI SETIAP PEJABAT			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
1.3.1	Mengamalkan sistem pengurusan MS ISO 9001 dalam proses-proses kerja utama perkhidmatan dan diperakui pihak yang berkaitan	Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001 daripada SIRIM	Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001 tanpa Major NCR pada tahun semakan oleh SIRIM	2021-2025	BHG. KUALITI
1.3.2	Merekayasa semula tatacara kerja terlibat dengan kerja-kerja penyelenggaraan & pemantauan projek di Jabatan Kejuruteraan yang telah diguna pakai.	-Memproses pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan. - Menjimatkan masa proses untuk pengesahan aktiviti kerja yang dilaksanakan sebanyak 50%	Menjimatkan masa dan produktiviti kerja	2021-2025	JABATAN KEJURUTERAAN
1.3.3	Menambahbaik spesifikasi kerja bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	Bilangan aduan akan dikurangkan sehingga 50%	Tahap kepuasan pelanggan melebihi 80%.	2021-2025	JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN
1.3.4	Menyemak, meminda dan mendraf Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Taiping mengikut keperluan semasa Majlis	Sekurang-kurangnya tiga (3) Undang-undang Kecil dalam tempoh lima (5) tahun	-Membantu jabatan-jabatan untuk memudahkan proses penambahbaikan SOP -Dapat meningkatkan kecekapan proses di MPT	2021-2025	BHG. UNDANG-UNDANG

1.3.5	Melaksanakan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan yang melanggar Undang-undang yang diterima pakai di Majlis Perbandaran Taiping dengan mewujudkan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015 iaitu Pendakwaan kes	Pendakwaan ke Mahkamah dilengkapkan dengan beban pembuktian yang kukuh serta mendapat izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya (Sekurang-kurangnya 1,800 kes setahun)		2021-2025	BHG. UNDANG-UNDANG
1.3.6	Pelaksanaan penguatkuasaan kesalahan – kesalahan di bawah Undang-Undang yang diterima pakai Majlis Perbandaran Taiping	Pelaksanaan penguatkuasaan dilaksanakan oleh Majlis mengikut undang-undang yang diterimapakai Majlis Perbandaran Taiping serta standard prosedur penguatkuasaan Majlis Perbandaran Taiping (Mewujudkan Prosedur dan Manual Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Taiping)	Memastikan pelaksanaan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan dan adil	2021-2025	BHG. UNDANG-UNDANG



TERAS STRATEGIK		SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISYEN			
STRATEGI		1.4 MEMBANGUNKAN DAN MEMPERKASAKAN MODAL INSAN SELARI DENGAN TEKNOLOGI TERKINI			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
1.4.1	Penyediaan latihan yang mencukupi bagi memastikan kakitangan berkemahiran dalam melaksanakan tugas mengikut bidang tugas dan fungsi	Setiap kakitangan menghadiri 7 hari berkursus / seminar / bengkel dalaman atau luar setiap tahun.	Modal insan yang kompeten	2021-2025	JABATAN KHDIMAT PENGURUSAN
1.4.2	Mempertingkatkan latihan dan penambahan ilmu kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam aktiviti kawalan vektor bagi meningkatkan kualiti kerja.	Pengurangan bilangan aduan berkaitan kawalan vektor sebanyak 50%.	Peningkatan kesedaran kepada masyarakat dan pengurangan kes penyakit bawaan vektor.	2021-2025	JABATAN PERKHDIMATAN BANDAR & KESIHATAN
1.4.3	Mengadakan kempen pencegahan penyakit bawaan vektor di tempat-tempat awam.	Dapat mengurangkan aduan pelanggan sebanyak 50%	Peningkatan kesedaran kepada masyarakat dan pengurangan kes penyakit bawaan vektor.	2021-2025	JABATAN PERKHDIMATAN BANDAR & KESIHATAN
1.4.4	Mengadakan kempen kebersihan premis makanan dan tandas.	Pelaksanaan sekurang-kurangnya satu (1) kempen setahun. 80% premis makanan mendapat gred A. 100% tandas mendapat 3 bintang dan ke atas.	Dapat meningkatkan lagi kepuasan pelanggan	2021-2025	JABATAN PERKHDIMATAN BANDAR & KESIHATAN

TERAS STRATEGIK		SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISIEN			
STRATEGI		1.5 MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
1.5.1	Meningkatkan pengetahuan Anggota Penguatkuasa dalam Undang-Undang yang digunakan oleh MPT	100% Anggota berpengetahuan tentang Akta dan Undang-Undang	Prestasi kerja penguatkuasa akan lebih cepat dan cemerlang	2021-2025	BHG. PENGUATKUASA

## PELAN TINDAKAN ORGANISASI TERAS 2

TERAS STRATEGIK		PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI DAN BANDAR RENDAH KARBON			
STRATEGI		2.1 MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KE ARAH KELESTARIAN BANDAR TAIPING			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
2.1.1	Mensyaratkan keperluan pembangunan hijau berdasarkan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau dan Teknologi Hijau	-Bilangan projek yang dilaksanakan mengikut garis panduan	Menuju ke arah pembangunan Bandar Hijau Bersepadu Awam/Swasta	2021-2025	JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR
2.1.2	Pelaksanaan inisiatif elemen kejiranan hijau	-100% dimasukkan dalam kelulusan KM (Syarat Pelan Bangunan)		2021-2025	- BHG. BANGUNAN - JABATAN KEJURUTERAAN
2.1.3	Peningkatan projek SPAH Dimasukkan dalam kelulusan pelan bangunan	Meningkatkan kempen kesedaran sebanyak 20%  - 100% dilaksanakan di bawah pemaju		2021-2025	- JABATAN KEJURUTERAAN - JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR
2.1.4	SPAH Dilaksanakan Setiap Projek Bangunan Majlis	100% dilaksanakan di bawah MPT		2021-2025	- JABATAN KEJURUTERAAN - JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR

2.1.5	Peningkatan Kuantiti Hasil Pengkomposan (Kitar Semula)	(Bah. Landskap - 1 projek) – sisa bahan tanaman (Jab. Zoo – 1 projek)- sisa najis haiwan		2021-2025	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JABATAN ZOO</li> <li>- JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR &amp; KESIHATAN</li> <li>- BHG. LANDSKAP</li> </ul>
2.1.6	Kebun kejiranan	Mewujudkan 1 projek 1 tahun)	Menuju ke arah pembangunan Bandar Hijau Bersepadu Awam/Swasta	2021-2025	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JABATAN PERANCANG &amp; PEMBANGUNAN BANDAR</li> <li>- BHG. LANDSKAP</li> </ul>
2.1.7	Inisiatif pengurangan penggunaan plastik	-Larangan penggunaan polisterina dan plastik dalam Kawasan MPT		2021-2025	JABATAN ZOO
2.1.8	Kempen penanaman pokok teduhan	-Melalui surat kelulusan KM (Pelan landskap) -Bilangan pokok yang ditanam min. 1500 setahun		2021-2025	BHG. LANDSKAP
2.1.9	Pemantauan kualiti air tasik	-Pemantauan kualiti air dijalankan setahun sekali bagi memastikan kualiti air tasik dalam kategori kelas 2		2021-2025	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JABATAN PERANCANG &amp; PEMBANGUNAN BANDAR</li> <li>- JABATAN KEJURUTERAAN</li> </ul>
2.1.10	Pengurusan sisa pepejal yang cekap dan mampan serta inisiatif pengasingan sisa pepejal dan pengurangan sisa/kitar semula	Peningkatan peratusan aktiviti kitar semula (30%)		2021-2025	JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR & KESIHATAN

TERAS STRATEGIK		PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI DAN BANDAR RENDAH KARBON			
STRATEGI		2.2 MENUJU KE ARAH BANDAR RENDAH KARBON			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
2.2.1	Menerapkan inisiatif Teknologi Hijau (Solar / LED / DLL) pada pembangunan sedia ada dan pembangunan baharu (projek Majlis)	-Pemasangan lampu LED / Solar – 50 unit setahun -Peratusan penurunan tenaga – 20%	-Dapat mewujudkan kesedaran kepada orang awam dari segi bandar rendah karbon  -Dapat mengurangkan pelepasan karbon	2021-2025	JABATAN KEJURUTERAAN
2.2.2	Inisiatif penyediaan laluan sikal dan laluan pejalan kaki	Mewujudkan laluan sikal dan pejalan kaki 1km/tahun			- JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR - BHG. BANGUNAN - JABATAN KEJURUTERAAN
2.2.3	Mengadakan program zon bebas kenderaan (“Car Free Day”)	-Minimum dua program setahun			- JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR - JABATAN KEJURUTERAAN - JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN - BHG. KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM
2.2.4	Insentif kepada pemilik bangunan yang mengunapakai teknologi hijau dan mempunyai penarafan bangunan hijau	-Mengadakan pertandingan anugerah landskap dan memberi pengiktirafan kepada pemilik bangunan terlibat (setahun 1 pertandingan -Jumlah peningkatan permohonan setiap tahun)			- JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR - BHG. KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM - BHG.LANDSKAP

TERAS STRATEGIK		PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI DAN BANDAR RENDAH KARBON			
STRATEGI		2.3 MEMPERKASAKAN BANDAR TAIPING KE ARAH BANDAR SELAMAT			
PROGRAM		INDIKATOR	SASARAN	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB
2.3.1	Menguatkuasakan Garis Panduan Bandar Selamat serta SOP yang digunakan oleh MPT	- Melaksanakan inisiatif bandar selamat 100% kepada pemaju	- Tahap keselamatan penduduk bandar Taiping semakin meningkat dan menyumbang kepada peningkatan kepuasan pelanggan	2021-2025	JABATAN PERANCANG & PEMBANGUNAN BANDAR
